

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 OGOS 2021
AKHBAR : BERITA HARIAN

Segera laksana Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030

Dewan Melayu minta perluas skop TPB2030 bagi capai agenda PPN

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Dewan Melayu) meminta kerajaan menyegerakan pelaksanaan Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB2030) yang sering ter-

tangguh, bagi meningkatkan agenda Bumiputera.

Presidennya, Abdul Halim Husin, berkata Dewan Melayu kluatir berhubung tahap sebenar sosio ekonomi orang Melayu dan Bumiputera yang kebanyakannya kritisik serta rendan.

"Oleh kerana 80 peratus pendapatan mereka berpuncu daripada gaji, sudah tentulah golongan ini yang paling terjejas lan taran banyak perusahaan yang terpaksa ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kesan kemusnahaan pandemik COVID-19 yang terpaksa dipukul bersendirian.

"Hasil daripada kajian dan sesi libat urus yang diadakan se-

“Hasil daripada kajian dan sesi libat urus sejak tahun lalu, Dewan Melayu sudah merangka senarai kehendak orang Melayu serta Bumiputera”

Abdul Halim Husin,
Presiden Dewan
Melayu

jak tahun lalu, Dewan Melayu sudah merangka senarai kehendak orang Melayu serta Bumiputera yang mesti diberi perhatian oleh kerajaan baharu, untuk dimasukkan ke dalam tindakan pemuliharaan di kementerian masing-masing," katanya dalam kenyataan, semalam.

Abdul Halim berkata, TPB2030 perlu disegerakan dan diperluaskan skopnya supaya dapat menjadi landasan utama kepada Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) apabila sasaran imuniti kelompok tercapai tidak lama lagi.

Justeru, katanya, Dewan Melayu berharap barisan Kabinet yang kebanyakannya menge-

kalkan portfolio masing-masing, untuk segera bertindak sebagai pasukan yang mantap khususnya dalam memastikan Malaysia bebas daripada kegawatan ekonomi serta ancaman pandemik COVID-19.

"Berikutnya banyak aduan mengenai bantuan khas Prihatin (yang akan tamat pada September ini), yang pengagihannya terlalu sedikit dan lewat diterima, kami mentutut supaya Belanjawan 2022 yang bakal dibentang dapat menambah input bantuan yang lebih substantif serta berorientasikan rakyat.

"Ini kerana ia amat diperlukan supaya rakyat dapat kembali kepada kehidupan normal secepat mungkin," katanya.

